55	Tanjung Sepat	<u>650</u>	385	185	0	465	280	152	261	350	116
56	Teluk Datuk	<u>2071</u>	456	63	106	675	278	342	448	634	120
57	Teratai	<u>549</u>	681	73	3	7	382	56	240	988	101
58	Kuala Lumpur	579	1610	0	0	0	1135	234	0	0	0
JUMLAH		115,721	27,616	3,376	1,767	19,071	37,320	12,511	23,465	20,488	11829

(Sumber daripada Seksyen Makro Dan Penswastaan UPEN)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PROJEK *THE BOSS SERVICE SUITES* TERBENGGALAI SEJAK
TAHUN 2015**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini tentang projek terbengkalai tersebut?
- b) Apakah tarikh dan kandungan Perjanjian Jual Beli yang dikatakan telah ditandatangani oleh liquidator dan pembeli baru?
- c) Bila pembangunan dijangka disambung semula?

JAWAPAN:

- a) Pihak Likuidator memaklumkan dokumen penyelarasan penyelesaian hutang masih perlu dirujuk ke mahkamah untuk perbincangan lanjut yang dijangka pada bulan November 2017.
- b) Pihak Likuidator memaklumkan projek ini telah dijual dan perjanjian jual beli telah ditandatangani pada 2 Jun 2017. Tiada makluman rasmi dikemukakan kepada Majlis berkenaan kandungan perjanjian jual beli ini.
- c) Pihak Likuidator memaklumkan kerja dijangka akan berjalan 6 atau 12 bulan selepas tarikh dokumentasi penyelesaian hutang dirujuk ke mahkamah.

Cadangan Pembangunan:-

1 Blok Suite Servis 28 Tingkat (Mengandungi 4 Tingkat Podium Perniagaan dan 24 Tingkat 377 unit Suite Servis) Dengan 2 Tingkat Tempat Letak Kereta Bawah Tanah.

4 Tingkat Tempat Letak Kereta dan 2 Tingkat Bawah Tanah.

Di atas Lot 116 Dan Lot 117 (Lot Asal 64 GM5524), Jalan Batu Tiga Lama, Klang Utara, Klang Bandar

Pemaju Asal : Tetuan Hotwer Development Sdn Bhd
Perunding Arkitek : Tetuan Akipanel Architects Sdn Bhd

Perunding Jurutera: Tetuan Universal Consult

Likuidator : KPMG Transaction & Restructuring Sdn Bhd

Komponen pembangunan ini merupakan pembangunan bercampur yang mengandungi ruang perniagaan dan 377 unit servis apartment di atas tanah komersial.

Fail asal bagi pembangunan ini telah dimajukan pada 2010 dan telah lulus sepenuhnya pada 2011 dan telah memulakan kerja pembinaan pada 09/06/2011 melalui Borang B yang dikemukakan oleh perunding Arkitek. Fail pindaan pula telah dikemukakan pada 08/05/2012 dan telah diluluskan sepenuhnya 05/04/2013.

Kerja pembinaan telah diteruskan sehingga pada Ogos 2014, perunding memaklumkan bahawa pemaju projek ini telah berpindah ke luar negara dan meninggalkan projek ini. Perunding juga telah mengesahkan tiada sebarang kerja pembinaan di tapak.

KPMG Transaction & Restructuring Sdn Bhd telah mengambilalih projek ini bermula November 2014 apabila telah dilantik oleh Mahkamah Tinggi. Pada tahun 2015 pihak likuadator bahawa pihaknya sedang membuat proses penilaian harta nah dan di jangka siap pada Jun 2015. Pada tahun 2016, pihak likuadator memaklumkan bahawa projek ini telah ditender semula dan terdapat 3 syarikat yang berminat dengan pembangunan ini.

Sehingga Julai 2017, pihak likuadator telah menawarkan projek kepada pembeli baru. "Sale & Purchase Agreement" juga telah ditandatangani. Walau bagaimanapun masih terdapat dokumen yang tidak lengkap dan perlu melalui prosedur mahkamah terlebih dahulu untuk perbincangan lanjut. Pembangunan ini di jangka hanya akan bermula pada penggal kedua tahun hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PROJEK PEMBINAAN SELAYANG STARCITY MALL

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Projek ini telah berhenti melebihi 1 tahun dan sehingga kini tidak ada sebarang kerja dijalankan di tapak. Apakah perkembangan terkini projek tersebut?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan projek tersebut tidak terbengkalai?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pembinaan tidak selaras seperti pelan diluluskan. Pihak pemaju sedang dalam proses kemukakan pelan-pelan pindaan KM dan Pelan Bangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PERASMIAN PENYEMPURNAAN PEMBINAAN JAMBATAN KETIGA
KLANG**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bila perasmian penyempurnaan pembinaan Jambatan Ketiga Klang akan diadakan?

JAWAPAN:

- a) Perasmian penyempurnaan pembinaan Jambatan Ke-3 Klang akan di adakan pada 19 November 2017 dan akan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SILA MENYATAKAN JUMLAH PENERIMAAN YANG LULUS DAN TOLAK DI BAWAH SKIM PEDULI SIHAT KERAJAAN SELANGOR SEJAK IA DIPERKENALKAN MENGIKUT PECAHAN SETIAP KAWASAN DUN

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dan sila menyatakan jumlah klinik/ poliklinik yang telah menawarkan skim tersebut di setiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Jumlah klinik yang telah mendaftar di bawah Skim Peduli Sihat sehingga 20 Oktober 2017 adalah sebanyak 869 klinik. Pecahan mengikut Dewan Negeri adalah seperti berikut:

NO	DUN	JUMLAH KLINIK
1	SUNGAI AIR TAWAR - N01	-
2	SABAK - N02	2
3	SUNGAI PANJANG - N03	6
4	SEKINCHAN - N04	2
5	HULU BERNAM - N05	2
6	KUALA KUBU BAHARU - N06	6
7	BATANG KALI - N07	12
8	SUNGAI BURONG - N08	2
9	PERMATANG - N09	4
10	BUKIT MELAWATI - N10	3
11	IJOK - N11	3
12	JERAM - N12	9
13	KUANG - N13	5
14	RAWANG - N14	26
15	TAMAN TEMPLER - N15	12
16	BATU CAVES - N16	15
17	GOMBAK SETIA - N17	7
18	HULU KELANG - N18	2
19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	3
20	LEMBAH JAYA - N20	21
21	CHEMPAKA - N21	6
22	TERATAI - N22	3
23	DUSUN TUA - N23	7

NO	DUN	JUMLAH KLINIK
24	SEMENYIH - N24	15
25	KAJANG - N25	33
26	BANGI - N26	25
27	BALAKONG - N27	10
28	SERI KEMBANGAN - N28	22
29	SERI SERDANG - N29	14
30	KINRARA - N30	33
31	SUBANG JAYA - N31	28
32	SERI SETIA - N32	18
33	TAMAN MEDAN - N33	15
34	BUKIT GASING - N34	7
35	KAMPUNG TUNKU - N35	7
36	DAMANSARA UTAMA - N36	12
37	BUKIT LANJAN - N37	7
38	PAYA JARAS - N38	14
39	KOTA DAMANSARA - N39	24
40	KOTA ANGGERIK - N40	41
41	BATU TIGA - N41	29
42	MERU - N42	17
43	SEMENTA - N43	12
44	SUNGAI PINANG - N44	4
45	SELAT KLANG - N45	6
46	PELABUHAN KLANG - N46	25
47	PANDAMARAN - N47	6
48	KOTA ALAM SHAH - N48	7
49	SERI ANDALAS - N49	31
50	SRI MUDA - N50	31
51	SIJANGKANG - N51	7
52	TELOK DATOK - N52	10
53	MORIB - N53	7
54	TANJUNG SEPAT - N54	4
55	DENGKIL - N55	13
56	SUNGAI PELEK - N56	7
57	NEGERI- NEGERI LAIN	170
JUMLAH KESELURUHAN SETAKAT		869

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MEMANDANGKAN NEGERI SELANGOR MENCATAT KES DENGGI
TERTINGGI SEJAK 10 BULAN TAHUN INI.**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan agresif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memerangi denggi di setiap PBT?

JAWAPAN:

- a) Laporan Situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif bagi tahun 2017 sehingga 21 Oktober 2017 telah merekodkan 40,164 kes, berbanding 45,432 kes pada tahun 2016. Jumlah kes denggi bagi tahun 2017 menunjukkan pengurangan sebanyak 11.6% iaitu pengurangan sebanyak 5,268 kes berbanding tahun 2016 manakala kumulatif kes kematian pula mencatatkan sebanyak 59 kes sehingga 21 Oktober 2017 berbanding 68 kes kematian pada tahun 2016, iaitu pengurangan sebanyak 13%.

Pelbagai Usaha telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengawal dan mencegah kes demam denggi dan kes kematian denggi di Negeri Selangor. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak **RM5,000,000.00** untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan ini. Hanya Negeri Selangor memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menangani denggi berbanding negeri lain di Malaysia. Sebahagian besar peruntukan ini adalah bagi melantik ***Pest Controller Operator (PCO)*** bagi membantu kawalan di peringkat PBT iaitu **RM2.6 juta**. Selain itu, **RM1.2 juta** disalurkan kepada **Pihak Berkuasa Tempatan bagi pembelian racun serta peralatan dan keperluan** dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan. Sebanyak **RM560,000.00** disalurkan kepada **Ahli Dewan Negeri** untuk membantu melaksanakan program pencegahan denggi seperti gotong-royong di kawasan masing-masing. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** telah diperuntukan sebanyak **RM350,000.00** mengikut daerah bagi menangani isu berbangkit berkaitan yang boleh menyebabkan pembiakan denggi.

Kes demam Denggi Negeri Selangor dipantau secara konsisten melalui 2 Mesyuarat Tindakan Denggi iaitu:

1. **Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor** yang diadakan setiap 2 minggu bagi membincangkan dan merangka dasar serta melaksanakan

program-program kawalan dan pencegahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Jabatan di peringkat Negeri; dan

2. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya diadakan setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokaiti wabak terutama hotspot . Mesyuarat ini akan memutuskan tindakan serta merta di peringkat daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil Jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak terlibat langsung dengan isu dibincangkan.

Dalam masa yang sama, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini termasuklah :

1. Pelantikan semua **Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan** menjadi **Pengerusi Denggi Mengikut zon**. Ahli Majlis adalah sebagai perantara di antara YB ADN kawasan dengan pimpinan masyarakat setempat serta agensi-agensinya pelaksana bagi merancang dan melaksanakan program menghapuskan denggi. Pelantikan ini dapat membantu kawalan dan pencegahan denggi yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak secara bersama bagi mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing.
2. Pelaksanaan **OPS Bersepadu Denggi**. OPS yang pertama kali diadakan di Daerah Hulu Langat ini mengumpulkan semua PBT bagi membantu pihak MPKJ dan MPAJ dalam melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan di daerah Hulu Langat pada hujung minggu memandangkan berlaku peningkatan kes yang mendadak. Hasil daripada pelaksanaan Ops Bersepadu Denggi selama 2 bulan, kes demam denggi di daerah Hulu Langat menurun dengan signifikan dan sekali gus menunjukkan kejayaan pelaksanaan OPS tersebut.
3. Pelancaran **Program Semburan Aerosol Selangor** untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya penggunaan aerosol di dalam rumah supaya ahli keluarga dapat dilindungi daripada nyamuk Aedes. Program SAS yang dilancarkan pada 26 Februari 2017 telah menunjukkan pengurangan sebanyak 9 lokaliti hotspot di seluruh negeri selepas 1 bulan pelaksanaannya. Ini menunjukkan keberkesanan program yang dijalankan amatlah memberangsangkan. Selain itu, program SAS ini turut dipanjangkan kepada semua pengusaha **pengangkutan awam di Selangor** termasuk pengusaha bas Smart Selangor, bas persiaran, bas sekolah, bas pekerja, bas berhenti-henti serta pemandu teksi untuk tujuan perlindungan yang lebih menyeluruh.

4. **Penyusunan dan pembahagian lokaliti wabak** di Negeri Selangor telah dilaksanakan di peringkat Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah masing-masing. Memandangkan terdapat sesetengah lokaliti mempunyai keluasan yang agak besar untuk aktiviti kawalan dan pencegahan. Penyusunan dan pembahagian semula ini bagi memudahkan tindakan lanjut di peringkat PBT dan PKD untuk lebih fokus kawasan wabak yang terlibat.
5. Program **Nyamuk Wolbachia oleh Institute of Medical Research (IMR)** telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2, Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini di luaskan kepada lokaliti hotspot yang lain di daerah Petaling iaitu di Seksyen 7 Pusat Komerisal, Shah Alam dan Mentari Court, Petaling Jaya. Laporan keberkesanan pelaksanaan program ini masih belum dibentangkan oleh pihak IMR memandangkan ianya memerlukan tempoh masa yang panjang untuk pemantauan secara menyeluruh.
6. Melaksanakan **Program Terjah Denggi di Kuarters Milik Kerajaan**. Kerajaan Negeri amat memandang serius bagi kes Denggi yang berlaku di kuarters Kerajaan kerana melibatkan penjawat awam di Selangor. Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT dan PKD untuk membuat kawalan serta merta apabila menjadi hotspot.
7. Pelaksanaan **Pendekatan Ekosistem Kawalan dan Pencegahan Denggi**. Pendekatan Ekosistem telah dilaksanakan di beberapa daerah yang mencatatkan kes demam denggi yang tinggi. Setiap PBT dan PKD dibahagikan kepada ekosistem mengikut kawasan ADN, Zon atau Seksyen. Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi hendaklah fokus dan akan berubah mengikut kesesuaian geografi kawasan atau tempat.
8. Pemantauan **Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) di kawasan wabak Denggi**. Terdapat penemuan berkaitan kegagalan rekabentuk SPAH oleh perunding, kegagalan pemilik untuk menyelenggara dan kurangnya kesedaran awam berkaitan SPAH sehingga menyebabkan berlaku pembiakan aedes di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri telah mengarahkan untuk pihak KPKT melihat semula kriteria pelaksanaan. Pada masa yang sama, PBT negeri Selangor diminta memantau perkara ini bagi mengelakkan peningkatan kes yang mendadak.
9. Menggalakkan **penglibatan semua rumah ibadat Islam dan selain Islam** untuk mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing bagi menjaga dan memastikan premis adalah bebas aedes.

10. Penyediaan **Blueprint Denggi Negeri Selangor** yang mempunyai 3 matlamat utama melalui pelaksanaan 4 Program khas dan dikuatkuasakan oleh 4 garis panduan akan dilancarkan pada tahun 2018. Blueprint ini adalah gerak kerja yang dirancang bagi memastikan kes denggi di Selangor berada di tahap terkawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MEMANDANGKAN SETAKAT INI ISU PEMBUANGAN SAMPAH
HARAM MASIH BELUM DIKAWAL SEPENUHNYA**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah tersebut?

JAWAPAN:

a) Langkah Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam menyelesaikan isu pembuangan sampah haram dengan mengambil langkah antaranya seperti berikut:

- 1) Membantu PBT yang tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi dalam menguruskan kutipan sisa pepejal, khususnya di kawasan kampung tradisi dengan meluluskan penyaluran peruntukan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM10,598,800.00 dengan melibatkan sebanyak lima (5) buah PBT iaitu MPKj, MDKS, MDKL, MDSB dan MDHS sejak tahun 2016 hingga kini;
- 2) Melaksanakan pelan tindakan pengurusan sisa pepejal mulai di kawasan MPK sebagai projek perintis dengan melantik *Project Management Company* (PMC) iaitu dari syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste Management (KDEBWM) pada bulan Julai 2016 di mana kawasan operasi kutipan sampah dilebarkan hingga ke kawasan kampung. Kini, PMC telah berkembang di dua (2) buah PBT iaitu dilantik oleh MPAJ dan MPS bermula pada bulan Mac 2017;
- 3) Pada bulan Mei sehingga bulan Disember 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan Program Perkhidmatan Kutipan Sampah Pukal di Kawasan Perumahan Kos Rendah / Bertingkat terutamanya dikenali sebagai *hotspot* denggi oleh PBT dan Jabatan Kesihatan Daerah Negeri Selangor dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM1,186,780.00 bagi tujuan membantu pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan penduduk untuk membersihkan sampah pukal yang berlonggok di dalam kawasan kediaman tersebut dan sekitar kawasan bangunan;
- 4) Selain itu, PBT turut mengambil inisiatif dalam menyelesaikan isu sampah haram di kawasan PBT masing-masing antaranya seperti berikut:

- i. PBT mewujudkan ahli jawatankuasa banteras sampah haram yang dianggotai oleh Pejabat Tanah & Daerah (PTD), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pemilik-pemilik tanah yang berkaitan;
- ii. Menjalankan tinjauan dan pemantauan di '*hot spot*' tapak pembuangan sampah haram yang telah dikenalpasti oleh agensi berkaitan seperti;
- iii. Melaksanakan kerja-kerja penutupan tapak sampah haram berskala besar secara berperingkat oleh Kontraktor yang telah dilantik;
- iv. Kawasan-kawasan Sampah Haram yang sering menjadi tempat pembuangan sampah secara haram akan dibersihkan dan di pasang dengan papantanda '**DILARANG MEMBUANG SAMPAH**';
- v. Menutup laluan masuk ke tapak pembuangan sampah haram yang telah dikenalpasti/ dibersihkan; dan
- vi. Pentadbir Tanah Daerah (Pegawai Daerah) boleh mengambil tindakan terhadap operator sama ada individu atau syarikat yang menguruskan tempat pembuangan sampah haram di bawah peruntukan pelanggaran syarat tanah **Kanun Tanah Negara 1960**. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan pula boleh mengambil tindakan dibawah bidang kuasa sedia ada termasuk menguatkuasakan Undang-Undang Kecil (UUK) berkaitan kesalahan dalam pembuangan sampah contohnya **UUK Pemungutan, Pembuangan, Dan Pelupusan Sampah Sarap & UUK Jalan, Parit dan Bangunan**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PERUNTUKAN KAMPUNG
BARU DUN SELAT KLANG**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua projek di bawah Kerajaan Selangor dari 2008- 2017 untuk Pulau Ketam.
- b) Senaraikan semua projek di bawah Kerajaan Selangor dari 2008- 2017 untuk Kampung Sg Lima.
- c) Senaraikan semua projek di bawah Kerajaan Selangor dari 2008- 2017 untuk Bagan Hailam.

JAWAPAN:

- a) Senarai projek-projek di bawah kerajaan Selangor dari 2008-2017 untuk Pulau Ketam adalah seperti berikut.

BIL	PROJEK	TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1	Membina " <i>enclosing banister</i> " di sekeliling seluruh laluan pejalan kaki dalam Kampung Bagan Pulau Ketam	2009	50,000.00
2	Kerja-kerja membina jalan simen di Jalan Utama, Pulau Ketam	2010	351,944.71
3	Kerja-kerja memasang pagar di tepi laluan perjalanan di sekeliling Kampung Bagan Pulau Ketam	2011	78,260.00
4	Kerja-kerja membina semula laluan <i>catwalk</i> konkrit baru dan pagar keselamatan di Bagan Teochew, Pulau Ketam	2012	194,838.75
5	Kerja-kerja menggantikan <i>catwalk</i> kayu kepada jenis konkrit dan pagar keselamatan di Bagan Teochew, Pulau Ketam (Jambatan Kedua)	2013	200,000.00

BIL	PROJEK	TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
6	Pembinaan jambatan baru bagi menggantikan jambatan runtuh di Bagan Teow Chew, Pulau Ketam	2013	80,000.00
7	Menggantikan <i>catwalk</i> kayu kepada <i>catwalk</i> konkrit dan pagar keselamatan di jalan tepi jambatan Sg. Batu	2015	236,836.00
8	Kerja-kerja meroboh dan membina semula <i>catwalk</i> konkrit yang uzur serta memasang pagar keselamatan di Bagan Teochew	2016	328,279.43
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			1,520,158.89

- b) Senarai projek-projek di bawah kerajaan Selangor dari 2008-2017 untuk Kampung Sungai Lima adalah seperti berikut.

BIL	PROJEK	TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1	Kerja-kerja menaiktaraf kemudahan infrastruktur di Bagan Sungai Lima	2010	124,410.00
2	Kerja-kerja memasang pagar sepanjang 200 meter di sekeliling sekolah	2011	19,565.00
3	Kerja-kerja membina semula laluan <i>catwalk</i> konkrit baru dan pagar keselamatan di Selatan Bagan Sungai Lima, Pulau Ketam	2012	156,110.71
4	Kerja-kerja memperbaiki dan mengubahsuai Dewan JKKK Kg. Bagan Sungai Lima	2012	18,200.00
5	Kerja-kerja menggantikan <i>catwalk</i> kayu kepada jenis konkrit di Jalan Kedua di Kg. Sungai Lima	2013	174,439.09
6	Kerja-kerja memasang pagar besi penghadang (<i>banister</i>) di Kg. Baru Sg. Lima	2013	63,700.00

BIL	PROJEK	TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
7	Menggantikan <i>catwalk</i> kayu kepada <i>catwalk</i> konkrit dan pagar keselamatan di Kg Bagan Sg. Lima (Jalan Selatan Tokong Hock Hai)	2015	164,337.93
8	Membina papan tanda jalan dwi bahasa di Kg, Bagan Sg. Lima	2017	11,400.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			732,162.73

- c) Senarai projek-projek di bawah kerajaan Selangor dari 2008-2017 untuk Bagan Hailam adalah seperti berikut.

BIL	PROJEK	TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1	Menaiktaraf Medan Perhimpunan di hadapan SJKC Wu Teck, Bagan Hailam	2009	120,000.00
2	Kerja-kerja memasang jaring burung di sekeliling Balai JKKK	2010	43,018.28
3	Kerja-kerja membaik pulih serta menggantikan laluan pejalan kaki <i>catwalk</i> kayu yang uzur kepada konkrit	2011	109,305.00
4	Membaik pulih gelanggang bola keranjang di Kg. Bagan Hylam	2015	77,008.90
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			349,332.18

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN SAR, SJKC, SJKT SEJAK 2008

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan untuk semua sekolah SAR/SJKC/SJKT di DUN Selat Klang sejak 2008.
- b) Senaraikan semua nama nama sekolah, amaun dan akaun penerima (samada pentadbiran sekolah/ PIBG/ Pengelola).

JAWAPAN:

a) dan b)

Perincian adalah seperti perincian berikut:

TAHUN 2009			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	SAR KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM50,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	SAR (KAFA INTEGRASI) AL-HIDAYAH	RM50,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	SJKC SIN BIN	RM70,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
4	SJKC HWA LIEN	RM120,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
5	SJKC KHENG CHEE	RM20,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
6	SJKT JALAN TEPI SUNGAI	RM5,000.00	PIBG
JUMLAH KESELURUHAN		RM315,000.00	

TAHUN 2010			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	SEKOLAH RENDAH ISLAM INETGRASI AL FARABI	RM40,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL FARABI	RM100,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	SAR (KAFA) INTEGRASI NURUL AIN TELOK GADONG	RM15,000.00	PIHAK SEKOLAH
4	SJKC SIN BIN	RM30,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
5	SJKC HWA LIEN	RM10,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
6	SJKC KENG CHEE	RM50,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
7	SJKT JALAN TEPI SUNGAI	RM5,000.00	PIBG
JUMLAH KESELURUHAN		RM250,000.00	

TAHUN 2011			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-FARABI	RM150,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL-FARABI	RM100,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN	RM10,000.00	PIHAK SEKOLAH
4	SAR (KAFA) INTEGRASI NURUL AIN TELOK GADONG	RM60,000.00	PIHAK SEKOLAH
5	SAR KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
6	SJKC SIN BIN	RM30,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
7	SJKC HWA LIEN	RM50,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
8	SJKC KENG CHEE	RM60,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
9	SJKT JALAN TEPI SUNGAI	RM10,000.00	PIBG
JUMLAH KESELURUHAN		RM475,000.00	

TAHUN 2012			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	SEKOLAH MENENGAH AGAMA ARAB	RM90,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-FARABI	RM100,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	PRA-TAHFIZ SEKOLAH ISLAM AL-FARABI	RM50,000.00	PIHAK SEKOLAH
4	PASTI DARUL ULUM 2	RM30,000.00	PIHAK SEKOLAH
5	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL-FARABI	RM80,000.00	PIHAK SEKOLAH
6	KOLEJ INTEGRASI TAHFIZ TUNAS ILMUWAN SELANGOR	RM150,000.00	PIHAK SEKOLAH
7	MADRASAH AL-HIRAH	RM10,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
8	SJKC SIN BIN	RM70,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
9	SJKC HWA LIEN	RM30,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
10	SJKC KENG CHEE	RM70,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
11	SJKT JALAN TEPI SUNGAI	RM99,013.00	PIBG
JUMLAH KESELURUHAN		RM779,013.00	

TAHUN 2013			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	KAFA INTEGRASI KAMPUNG PINANG TUNGGAL	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	SAR KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	SAR (KAFA INTEGRASI) AL-HIDAYAH	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
4	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN	RM10,000.00	PIHAK SEKOLAH
5	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN 3	RM10,000.00	PIHAK SEKOLAH
6	KAFA INTEGRASI KAMPUNG PINANG TUNGGAL	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
7	SAR KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
8	SAR (KAFA INTEGRASI) AL-HIDAYAH	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
9	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL-FARABI	RM100,000.00	PIHAK SEKOLAH
10	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI AL-FARABI	RM100,000.00	PIHAK SEKOLAH
11	PUSAT TARBİYAH KAMPUNG DELEK	RM100,000.00	PIHAK SEKOLAH
12	KELAS AGAMA MENENGAH ARAB	RM150,000.00	PIHAK SEKOLAH
13	SJKC KENG CHEE	RM80,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
14	SJKC HWA LIEN	RM40,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
15	SJKC WU TECK	RM10,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
16	SJKC SIN BIN	RM20,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
17	SJK(T) JALAN TEPI SG.	RM121,513.00	PIBG
JUMLAH KESELURUHAN		RM771,513.00	

TAHUN 2014			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	SEK REN ISLAM INTEGRASI AL-FARABI	RM100,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	SEK MEN ISLAM AL-FARABI	RM50,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	MAAHAD HAFIZ KLANG	RM2,000.00	PIHAK SEKOLAH
4	MADRASAH TAHFIZ AL-HIRAH	RM2,000.00	PIHAK SEKOLAH
5	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN 3	RM2,000.00	PIHAK SEKOLAH
6	SJKC HWA LIEN	RM50,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
7	SJKC KENG CHEE	RM50,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
8	SJKC CHUEN MIN	RM50,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
9	SJKC SIN BIN	RM 15,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
JUMLAH KESELURUHAN		RM306,000.00	

TAHUN 2015			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	AKADEMI KOMTAS TIGA	RM 5,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI AL-FARABI	RM 30,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL FARABI	RM50,000.00	PIHAK SEKOLAH
4	SAR (KAFA INTEGRASI) AL-HIDAYAH	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
5	SAR KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
6	PRA TAHFIZ SEKOLAH ISLAM AL FARABI	RM30,000.00	PIHAK SEKOLAH
7	TAHFIZ AN-NUR BESTARI	RM15,000.00	PIHAK SEKOLAH
8	PUSAT TAHFIZ AL-QURAN SOFIUDDIN	RM 10,000.00	PIHAK SEKOLAH
9	SJKC SIN BIN	RM 30,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
10	SJK (C) HWA LIEN	RM23,515.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
11	SJK (C) TSHING NIAN	RM30,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
12	SJKT JALAN TEPI SUNGAI	RM20,000.00	PIBG
JUMLAH KESELURUHAN		RM178,515.00	

TAHUN 2016			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	SAR KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM10,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	KAFAI AL HIDAYAH KG. KERETAPI	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	AKADEMI KOMTAS 3	RM25,000.00	PIHAK SEKOLAH
4	SRI INT. AL FARABI	RM30,000.00	PIHAK SEKOLAH
5	SEK MEN ISLAM AL FARABI	RM20,000.00	PIHAK SEKOLAH
6	PRA TAHFIZ SEKOLAH ISLAM AL FARABI	RM20,000.00	PIHAK SEKOLAH
7	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN	RM20,000.00	PIHAK SEKOLAH
8	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI AL-FARABI	RM20,000.00	PIHAK SEKOLAH
9	SJKC HWA LIEN	RM50,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
10	SJKC KENG CHEE	RM30,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
11	SJKC SIN BIN	RM35,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
JUMLAH KESELURUHAN		RM265,000.00	

TAHUN 2017			
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN	PENERIMA
1	SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI AL-FARABI	RM50,000.00	PIHAK SEKOLAH
2	SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL FARABI	RM30,000.00	PIHAK SEKOLAH
3	AKADEMI KOMTAS TIGA	RM5,000.00	PIHAK SEKOLAH
4	AKADEMI ISLAM TAHFIZ MANDARIN	RM50,000.00	PIHAK SEKOLAH
5	PRA-TAHFIZ SEKOLAH ISLAM AL-FARABI	RM20,000.00	PIHAK SEKOLAH
6	PUSAT TAHFIZ AL QURAN SOFIUDDIN	RM20,000.00	PIHAK SEKOLAH
7	SAR (INTEGRASI) AL-HIDAYAH KAMPUNG KERETAPI	RM30,000.00	PIHAK SEKOLAH
8	SAR KAFA INTEGRASI DARUL ULUM	RM10,000.00	PIHAK SEKOLAH
9	SJKC SIN BIN	RM40,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
10	SJKC HWA LIEN	RM50,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
11	SJKC KENG CHEE	RM60,000.00	LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH
12	SJKT JALAN TEPI SUNGAI	RM20,000.00	PIBG
JUMLAH KESELURUHAN		RM385,000.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK MENGGALAKAN PELANCONGAN

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program khusus beserta bajet Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pelancongan pelbagai sektor di Pulau Ketam, Sg Lima, Bagan Hailam.
- b) Apakah dalam perancangan projek pelancongan Kerajaan Negeri untuk kawasan di atas?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memberi peruntukan kepada Majlis Perbandaran Klang sebanyak RM20,000.00 untuk Program International Festival Art Ketam di Pulau Ketam.
- b) Perancangan Majlis Perbandaran Klang untuk projek/program pelancongan di Pulau Ketam adalah seperti berikut:-
 - i. Program Memancing di Pulau Ketam.
 - ii. Aktiviti Island Hopping Tour di Pulau Ketam.
 - iii. Lawatan Industri Kecil Sederhana (IKS) yang diusahakan oleh penduduk tempatan.
 - iv. Karnival Fotografi.
 - v. Program memancing di Sungai Lima (Perkampungan Nelayan).
 - vi. Makanan seafood di Bagan Hailam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN GOLONGAN MARHAEN DARI 2008

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah penerima, jumlah sumbangan dan jenis sumbangan dari JKM (Negeri dan Pusat) untuk DUN Selat Klang.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menyalurkan Skim Bantuan Persekutuan dan Negeri kepada penerima bantuan yang berkelayakan. Berikut adalah jumlah penerima, perbelanjaan peruntukan dan jenis bantuan mengikut DUN Selat Klang dan Selangor bagi tahun 2017 :

SKIM BANTUAN	JENIS BANTUAN	JUMLAH PENERIMA		JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	
		DUN SELAT KLANG	NEGERI SELANGOR	DUN SELAT KLANG	NEGERI SELANGOR
PERSEKUTUAN	BANTUAN KANAK-KANAK	1	4,941	3,000	13,434,025
	BANTUAN ORANG TUA	5	10,377	15,000	31,564,750
	ELAUN PEKERJA CACAT	7	9,037	24,500	32,094,400
	BANTUAN PENJAGAAN OKU/PESAKIT TERLANTAR	1	1,997	3,000	6,454,410
	BANTUAN OKU TIDAK BERUPAYA BEKERJA	5	7,290	10,000	13,859,200
NEGERI	BANTUAN AM	1	4,496	2,500	10,490,392
JUMLAH		20	38,138	58,000	107,897,177

* Perbelanjaan sehingga Oktober 2017

Sumber : Bahagian Kebajikan Produktif, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERSOALAN PENGUATKUASA JAIS

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah amalan meletakkan penguatkuasa selepas waktu pejabat hanya berpusat di ibu pejabat JAIS di Shah Alam akan dikembangkan ke PAID supaya aduan maksiat dan kemungkarlah boleh dibanteras dengan lebih berkesan.
- b) Berapakah jumlah penguatkuasa mengikut daerah dan bidang?
- c) Apakah perancangan tuntas untuk memberdayakan biro Amar Makruf Nahi Mungkar masjid di seluruh negeri bagi mengekang aktiviti maksiat di akar umbi?

JAWAPAN:

- a) Amalan meletakkan penguatkuasa selepas waktu pejabat yang berpusat seperti di ibu pejabat JAIS di Shah Alam untuk dikembangkan ke PAID agar aduan maksiat dan kemungkarlah boleh dibanteras dengan lebih berkesan tidak akan dilaksanakan oleh JAIS. Ini kerana pengurusan penguatkuasaan JAIS telah melaksanakan Dasar Satu Pintu (DSP) dalam menguruskan aduan-aduan kes jenayah Syariah termasuk aduan berhubung maksiat dan kemungkarlah bagi seluruh Negeri Selangor. Dasar ini bermaksud semua aduan perlu disalurkan secara berpusat ke ibu pejabat Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan di Shah Alam iaitu melalui hotline JAIS ditalian 1800-88-2424. Setiap aduan ini akan diambil tindakan melalui maklumat yang diturunkan kepada Unit Pengurusan Penguatkuasaan di setiap daerah untuk dilaksanakan tindakannya. Anggota penguatkuasa agama seluruh daerah yang diketuai oleh seorang penguatkuasa agama gred S27 telah diarahkan untuk bersiap sedia bagi melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya bersama anggota penguatkuasa agama lain yang ditempatkan di daerah termasuklah selepas waktu pejabat. Dengan perlaksanaan dasar ini akan dapat membantu perlaksanaan tindakan penguatkuasaan sewajarnya dan penyeliaan terhadap tindakan setiap aduan yang dibuat kepada Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan JAIS dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

b) Jumlah penguatkuasa mengikut daerah dan bidangnya adalah :

Bil	Daerah	Jumlah
1.	Gombak	9
2.	Petaling	4
3.	Kelang	7
4.	Hulu Langat	8
5.	Kuala Langat	5
6.	Kuala Selangor	5
7.	Hulu Selangor	6
8.	Sepang	6
9.	Sabak Bernam	6

Dari jumlah anggota penguatkuasa agama yang ditempatkan di daerah tersebut, bidang tugas yang ditetapkan adalah untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan termasuklah menangkap, menyiasat dan menyediakan kertas siasatan terhadap pelaku kesalahan jenayah Syariah untuk persediaan proses pendakwaan ke mahkamah. Selain itu, terdapat aktiviti-aktiviti pencegahan yang telah diatur untuk dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Penguatkuasaan di peringkat daerah seperti penerangan berkenaan jenayah syariah, kaunseling dan seminar kepada kumpulan sasar yang ditetapkan.

c) Perancangan tuntas untuk membudayakan biro Amar Makruf Nahi Mungkar masjid di seluruh negeri bagi mengekang aktiviti maksiat di akar umbi perlu merujuk semula kepada peranan pegawai masjid seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 104.(2)(b) yang menyebut bahawa pegawai masjid "*bertanggungjawab bagi kelakuan anak kariah masjid itu dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam*". Oleh itu, selain tindakan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan, banyak aktiviti atau program yang boleh dianjurkan bagi menghindarkan dari berlakunya gejala-gejala maksiat dan kemungkaran melalui masjid-masjid di Negeri Selangor. Antara program yang dicadangkan adalah program-program yang boleh memperkukuhkan kerohanian kepada ahli kariah, program-program yang dapat memenuhi masa lapang kearah kebaikan individu dan masyarakat serta program-program penerangan berhubung kesalahan-kesalahan jenayah syariah dan kesan terhadap individu dan masyarakat yang melakukan kesalahan-kesalahan berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PINJAMAN SKIM HIJRAH PENIAGA KECIL

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peminjam dan jenis perniagaan serta amaun pinjaman Skim Hijrah/ Mikrokredit Selangor dari awal skim diperkenalkan Kerajaan untuk kawasan DUN Selat Klang.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peminjam dan jenis perniagaan serta amaun pinjaman Skim Hijrah/ Mikrokredit Selangor dari awal skim diperkenalkan Kerajaan untuk kawasan DUN Selat Klang adalah seperti berikut:-

JENIS PERNIAGAAN	BIL	RM
Perniagaan Pemakanan	171	956,000.00
Perniagaan Pembekal	117	711,000.00
Perniagaan Pemprosesan	5	23,000.00
Perniagaan Penternakan	3	12,000.00
Perniagaan Perkhidmatan	120	757,000.00
Perniagaan Pertanian	3	17,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	419	2,476,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PROJEK PENEBATAN BANJIR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua projek beserta nilai projek untuk mengatasi masalah banjir di Kg Sg Udang, Kg Delek dan Kg Telok Gadong sejak 2008.

JAWAPAN:

- a) Semua projek beserta nilai projek untuk mengatasi masalah banjir di Kampung Sg Udang, Kampung Delek dan Kampung Telok Gadong sejak 2008 adalah seperti jadual di bawah:

Bil	Nama Projek	Kos Projek	Tarikh Mula/Siap	Status
1.	Projek Tebatan Banjir Di Telok Gadong Daerah Klang	RM8,097,722.66	7/3/2017 4/9/2018	Jadual : 29% Sebenar : 25% Kelewatan : 4%
2.	Kerja-kerja Pembinaan Kolam Takungan Banjir Di Teluk Gadong Daerah Klang	RM2,109,559.00	23/7/2017 28/5/2018	Jadual : 43% Sebenar : 16% Kelewatan : 27%
3.	Kerja-kerja menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Yadi	RM6,300,000.00	-	Penyediaan Tender. Telah dimohon menggunakan P13 pada tahun 2018.
4.	Menaiktaraf Pintu Air Sg Pinang Kg Pulau Indah	RM3,000,000.00	-	Perlantikan Perunding

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PENYELESAIAN TUNTAS PASCA PERPINDAHAN SETINGGAN KE
PANGSAPURI KOS RENDAH SRI PERANTAU**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kronologi tindakan Kerajaan sejak 2008 bagi mengurangkan beban penduduk asal Rumah Panjang Sri Perantau yang dipaksa berpindah ke Pangsapuri Rendah Sri Perantau
- b) Nyatakan sekali kos, segala interaksi dan tawaran penyelesaian kepada penduduk dan respon penduduk.
- c) Apakah bantuan yang telah dirancang dan sedang berjalan di Pangsapuri Sri Perantau? Nyatakan kos yang terlibat.

JAWAPAN:

- a) Tiada maklumat.
- b) Pihak Majlis telah turun ke tapak untuk bertemu dengan penduduk dan memberikan khidmat nasihat kepada penduduk dari segi untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada pihak bank pada ketika itu.
- c) Dari segi bantuan, pihak Majlis telah memberikan pengecualian cukai taksiran kepada semua perumahan kos rendah termasuk Pangsapuri Sri Perantau. Berikut adalah maklumat yang diterima dari Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) berkenaan bantuan yang dirancang dan sedang berjalan di Pangsapuri Sri Perantau adalah seperti berikut:-

Bil	Program	Kos (RM)
1.	Smartlife	7,552,416.24
2.	Pelantikan Ajen Pengurus	105,300.00
3.	Penyediaan Library	80,000.00
4.	Penubuhan K-Klik	8,250.00
5.	FOKUS	19,999.99

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PENYELESAIAN ISU SETINGGAN KG SG SIREH (TANAH KTM)

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kronologi tindakan Kerajaan sejak 2008 dalam menyelesaikan isu setinggan Kg Sg. Sireh di tanah KTM.
- b) Nyatakan kes yang sudah selesai beserta keluasan tanah dan jumlah penduduk.
- c) Nyatakan tarikh dijangka selesai untuk baki kes (yang sudah 10 tahun!). Apakah yang menyebabkan kelambatan penyelesaian kes setinggan ini oleh Kerajaan?

JAWAPAN:

- a) MMKN Ke 4/2012 bertarikh 1 Februari 2012 menimbang dan meluluskan pengesahan nama keluarga setinggan Kampung Keretapi, Kg Sg Sireh Tambahan, Kg Sungai Sireh Tambahan 2 dan Kg Sg Sireh Utama.

Notis 5A telah disampaikan kepada semua penduduk di kampung-kampung berkenaan pada April 2012

Namun di Kampung Sungai Sireh Tambahan dan Kg Sireh Utama. Hakmilik tidak dapat dikeluarkan kerana terdapat struktur binaan rumah yang dibina oleh penduduk tidak berada di lot yang disenaraikan dan telah diluluskan oleh MMKN.

Pengukuran telah dijalankan oleh penduduk berkenaan dan semakan senarai nama bersama pejabat DUN telah dibuat.

- b) Jumlah keseluruhan penduduk setinggan di kawasan di Kampung Sungai Sireh adalah 122 lot. Daripada jumlah berkenaan 6 lot tidak dapat diangkat untuk pertimbangan MMKN kerana masih terdapat isu pengukuran yang dibangkitkan oleh penduduk berkenaan dan akan diangkat untuk pertimbangan MMKN setelah isu berkenaan diselesaikan oleh penduduk tersebut.
- c) Kertas Ringkasan bagi pertimbangan MMKN telah dihantar ke PTGS bagi penyelesaian ini pada 20 Julai 2017.